

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI RABU : 8 MAC 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 5, 10, 14 HINGGA NO. 56)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah respon pelbagai industri dan pasaran terhadap *Voluntary Carbon Trading* (VCM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Platform pasaran karbon sukarela (Voluntary Carbon Market -VCM) memperdagangkan kredit karbon yang dijana berdasarkan jumlah pengurangan atau penyerapan gas rumah kaca atau *greenhouse gas (GHG)* yang dihasilkan menerusi projek-projek mitigasi. Menerusi platform ini, pihak yang berminat berpeluang untuk membeli kredit karbon untuk membuat offset terhadap karbon yang dilepaskan bagi memenuhi komitmen pengurangan GHG dan tanggungjawab sosial korporat pihak tersebut.

2. Bursa Carbon Exchange (BCX) yang dibangunkan Bursa Malaysia, merupakan platform VCM patuh syariah yang pertama di dunia. BCX dilancarkan pada 9 Disember 2022 dan akan mula beroperasi pada bulan Mac tahun ini. Sejak dilancarkan, terdapat maklumbalas positif serta minat yang semakin meningkat oleh syarikat domestik yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai BCX terutamanya berkenaan pengimbangan karbon dan peluang perniagaan yang boleh mendatangkan manfaat kepada syarikat yang berminat. Bursa kini sedang dalam proses untuk melaksanakan lelongan sulung pada 16 Mac 2023 dan sedang menganjurkan sesi taklimat dan orientasi bersama pembeli dan penjual yang akan mengambil bahagian dalam lelongan ini.

3. Memandangkan urusan niaga karbon kredit di bawah platform ini dibuat secara sukarela, ianya tidak dikawal oleh kerajaan dan permintaan dan penawaran kredit karbon adalah bergantung kepada pasaran. Namun begitu, Kerajaan melihat pelaksanaan VCM sebagai salah satu komponen penting dalam pembentukan ekosistem pasaran karbon negara di Malaysia. Ini kerana, platform VCM berpotensi menjadi pemangkin kepada pihak swasta dan industri di Malaysia untuk mengintegrasikan unsur kemampanan di dalam operasi perniagaan masing-masing sekaligus menyumbang kepada usaha transformasi ekonomi hijau negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN
ABDULLAH [ROMPIN]**

TARIKH : **8 MAC 2023 (RABU)**

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di seluruh negara dalam jangka masa 5 tahun yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkhidmatan bas terutamanya bas henti-henti menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang menyambungkan pusat-pusat petempatan di kawasan bandar dan luar bandar untuk membawa penduduk ke lokasi-lokasi utama seperti tempat kerja, sekolah dan pekan yang berdekatan. Kerajaan telah memperkenalkan Program Dana Bantuan Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF) bermula 2012 di seluruh negara untuk membantu pengendali bas berhenti-henti meneruskan perkhidmatan kepada rakyat terutamanya di laluan-laluan sosial yang tidak menguntungkan demi memastikan rakyat mendapat akses kepada perkhidmatan pengangkutan awam. Bagi tujuan memastikan perkhidmatan bas henti-henti menepati kehendak rakyat dari segi capaian, kesediaan dan keboleh harapan pula, Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-

NO. SOALAN: 10

henti (SBST) sejak 2015 di lima (5) buah Ibu Negeri iaitu di Kangar dan Seremban pada 2015, Ipoh (2016), Kuala Terengganu (2018) dan Johor Bahru (2022). Kerajaan merancang untuk meluaskan lagi program SBST ke Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu melalui bajet 2023 serta ibu negeri lain secara berfasa tertakluk kepada kemampuan kewangan Negara.

2. Perkhidmatan rel terutamanya rel bandar seperti perkhidmatan MRT dan LRT merupakan perkhidmatan pengangkutan massa yang pantas serta melalui lokasi-lokasi berdensiti tinggi ke pusat bandar. Dalam masa beberapa tahun lagi, rangkaian rel di Lembah Klang/Kuala Lumpur akan dilebarkan. Projek MRT Putrajaya (MRT2) sejauh 57.7 km dijangka siap sepenuhnya menjelang Mac 2023, manakala projek LRT3 sejauh 37.6 km pula dijangka siap sepenuhnya menjelang Februari 2024. Selain itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665 km yang merupakan projek rel yang akan menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan dijangka siap pada penghujung tahun 2026.

3. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga telah meluluskan pelaksanaan Projek MRT 3 yang merupakan sebuah laluan lingkaran meliputi perimeter luar bandaraya Kuala Lumpur dan sebahagian kawasan berpenduduk padat di kawasan Ampang Jaya, Selangor. MRT 3 dirancang dengan laluan sepanjang 51km di mana 39 kilometer terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 12 kilometer terletak di Selangor. Laluan lingkaran ini akan merentasi rangkaian rel sedia ada, termasuk laluan MRT1, MRT2, LRT, Monorel dan KTM Komuter untuk membentuk 10 buah stesen pertukaran (*interchange station*) baharu supaya sistem rangkaian pengangkutan awam di Lembah Klang ini lebih menyeluruh, berkesinambungan dan efisien.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

YB TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian berhasrat untuk mengadakan pameran awam sebagai sebahagian daripada laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi menjamin ketelusan sebelum sesuatu projek pembangunan diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengadakan pameran sempena program publisiti dan penyertaan awam. Ini bagi membolehkan orang awam membuat semakan sebelum sesuatu Rancangan Pemajuan dimuktamadkan iaitu Rancangan Struktur (RS), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK).

Penglibatan awam merupakan teras dalam penyediaan kajian Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA). Penggerak projek juga telah menjalankan aktiviti rundingan bersama pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, peniaga, dan komuniti setempat melalui pelbagai kaedah seperti kaji selidik, perbincangan kumpulan bersasar mahupun pameran awam melalui penyediaan kiosk informasi. Sehubungan itu, Kementerian berpandangan **Laporan SIA tidak perlu dipamerkan** untuk ulasan awam sebelum laporan tersebut diluluskan memandangkan penglibatan awam telah dilaksanakan di peringkat awal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status memulihkan pengecualian kabotaj untuk syarikat berteknologi tinggi memperbaiki kabel dasar laut demi mengembalikan keyakinan pelabur dan menarik pelaburan berteknologi digital yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pengangkutan sedang giat melaksanakan sesi libat urus bersama pemegang taruh dan pihak-pihak berkepentingan untuk mendapatkan penyelesaian menang-menang bagi semua pihak yang terlibat, terutama sekali pelabur asing, syarikat-syarikat telekomunikasi serta pemain industri perkapalan tempatan. Justeru, pihak MOT akan mengkaji dengan lebih lanjut impak, keperluan semasa industri serta aspek-aspek mikro dan makro lain dalam menentukan hala tuju pelaksanaan Dasar Kabotaj di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA**
[POKOK SENA]

TARIKH : **8 MAC 2023 (RABU)**

SOALAN

DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan inisiatif yang diambil bagi memperluaskan aktiviti kaunseling dan terapi psikologi bagi menangani ketagihan berjudi dalam kalangan masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu ketagihan judi dalam kalangan masyarakat adalah merupakan satu masalah sosial yang perlu ditangani secara bersepadu oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Di bawah *International Classification of Diseases 10* (ICD 10), ketagihan judi merupakan satu permasalahan kesihatan mental yang menyebabkan gangguan kepada keharmonian hubungan kekeluargaan, isu kewangan dan juga menjatuhkan maruah individu dan masyarakat.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan kaunseling dan terapi psikologi yang merupakan salah satu komponen intervensi bagi menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat secara amnya. Perkhidmatan ini disediakan melalui 1,161 klinik kesihatan di seluruh negara. Bagi menangani masalah ketagihan substans, KKM menyediakan perkhidmatan *One Stop Centre*

for Addiction (OSCA) di 59 buah klinik kesihatan peringkat primer di seluruh negara yang dilaksanakan oleh Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi (Klinikal) dan Pegawai Psikologi (Kaunseling).

3. Bagi memperluaskan aktiviti kaunseling dan terapi psikologi di peringkat kesihatan primer, KKM telah menempatkan tambahan 200 pegawai psikologi (kaunseling) secara kontrak (*Contract for Service*) di 138 Pejabat Kesihatan Daerah bagi memberikan perkhidmatan secara berjadual di klinik-klinik kesihatan peringkat primer.

4. Bagi meningkatkan kesediaan petugas kesihatan yang terdiri daripada pakar psikiatri, pakar perubatan keluarga, pegawai psikologi klinikal dan pegawai psikologi kaunseling dalam merawat masalah ketagihan tingkah-laku ini, *Consensus On Behavioural Addiction (eg Gambling, Internet Addiction, Gaming and Sexual Addiction)* sedang disediakan. Konsensus ini akan diterbitkan selewat-lewatnya pada bulan Ogos tahun ini bagi membantu petugas-petugas kesihatan dalam merawat pesakit-pesakit yang datang mendapatkan rawatan ke fasiliti kesihatan KKM (hospital / klinik kesihatan).

5. Selain daripada KKM, terdapat juga Kementerian-kementerian lain dan pelbagai agensi lain yang mempunyai kaunselor dan turut memainkan peranan dalam membantu menangani isu ini. Kementerian Kesihatan akan terus komited untuk merawat individu-individu yang mempunyai isu-isu ketagihan bagi memastikan kesejahteraan mental masyarakat dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bilangan individu yang disiasat, didakwa dan disabitkan bagi di bawah Seksyen 9 Akta Perhimpunan Aman 2012 setakat ini mengikut tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dimaklumkan bermula tahun 2012 sehingga 2022 seramai 68 orang telah dituduh di bawah Seksyen 9 Akta Perhimpunan Aman 2012. Daripada jumlah tersebut, seramai 17 orang berjaya dijatuh hukum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mempercepat proses pengambilan buruh asing sekitar 54,000 orang bagi menampung keperluan dalam sektor perladangan serta mengelakkan kerugian yang ditanggung dalam anggaran RM10.46 bilion bagi sektor tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menyedari keperluan tenaga kerja asing dalam keadaan amat terdesak, Kerajaan amat perihatin untuk menyelesaikan masalah ini dengan serta-merta. Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan **Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing** bagi **mempercepatkan proses kelulusan permohonan kuota** pekerja asing serta kelulusan penggajian pekerja asing bermula pada 17 Januari 2023 sehingga 31 Mac 2023 bagi sektor-sektor kritikal seperti berikut:

- i. Pembuatan;
- ii. Pembinaan;
- iii. Perladangan;
- iv. Pertanian; dan
- v. Perkhidmatan (subsektor restoran sahaja).

2. Majikan di bawah kelima-lima sektor/subsektor tersebut boleh mengemukakan permohonan penggajian pekerja asing melalui platform **Foreign Worker Centralised Management System (FWCMS)** di bawah modul **FWe Approval**.

3. Di bawah Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing, majikan-majikan yang memerlukan pekerja asing dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing dari 15 negara sumber tanpa melalui prasyarat kelayakan penggajian dan kelayakan kuota yang dikenakan sebelum ini, termasuk pengecualian proses temuduga oleh Agensi Kawal Selia (AKS). Di samping itu, pengiklanan kekosongan jawatan di portal MyFuture Jobs juga telah dikecualikan berkuatkuasa serta merta. KSM akan memproses dan memberi kelulusan permohonan penggajian pekerja asing dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh permohonan diterima.

4. Dengan pelaksanaan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing ini, Kerajaan menjangkakan masalah kekurangan pekerja asing akan dapat diatasi dalam tempoh tiga (3) bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

YB TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Kementerian akan meluluskan baki permohonan dan peruntukan bagi Projek Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) melibatkan 157 kerja dengan nilai RM126.3 juta yang dipohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) mempunyai dua (2) program utama berkaitan dengan permohonan untuk membaiki infrastruktur dan bumbung bagi perumahan kos rendah dan sederhana iaitu Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (PPP). TPPM adalah inisiatif untuk membaik pulih dan menyelenggara perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah swasta manakala Program PPP adalah inisiatif bagi membaik pulih dan menyelenggara harta bersama perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah awam.

Sebanyak **sembilan (9) projek** dengan nilai peruntukan berjumlah **RM3 juta** telah diluluskan di bawah **program PPP** dan **22 projek** dengan nilai peruntukan berjumlah **RM5.8 juta** telah diluluskan di bawah **program TPPM bagi negeri Pulau Pinang** menjadikan keseluruhan peruntukan adalah sebanyak **RM8.8 juta**. Penyaluran peruntukan ini telah mengambil kira keperluan untuk semua negeri dan juga kesediaan kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan projek berkaitan.

Berdasarkan bajet 2023 yang diumumkan pada 24 Februari 2023, peruntukan keseluruhan bagi TPPM dan PPP adalah sebanyak RM90.4juta yang mana bagi negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM14.5 juta merangkumi RM8juta untuk TPPM dan RM6.5 juta untuk PPP. Perancangan peruntukan bagi TPPM dan PPP adalah berdasarkan keperluan mendesak mengikut negeri.

KPKT akan terus komited untuk membantu penghuni dalam menyelenggara dan membaik pulih kediaman berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah agar lebih berdaya huni, selesa dan selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa peruntukan yang disalurkan kepada KEDA untuk program baik pulih rumah-rumah KEDA dan program bantuan bina rumah rakyat miskin bagi tahun 2020 hingga 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2020 sehingga 2022, KEDA telah menerima Peruntukan sebanyak **RM24,629,396.03** daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) secara berkala bagi **Program Baik Pulih Rumah dan Bina Baru Rumah** seperti pecahan berikut:

Tahun	Bina Baru (Unit)	Baik Pulih (Unit)	Peruntukan (RM)
2020	38	351	6,387,000.00
2021	49	366	7,450,501.67
2022	50	495	10,791,894.36
JUMLAH	137	1212	24,629,396.03

Program ini meliputi semua rumah yang memerlukan pembaikan atau pembinaan baru di dalam Wilayah KEDA melibatkan 6 daerah sahaja iaitu Pendang, Yan, Kuala Muda, Baling, Kulim dan Bandar Baharu. Manakala bagi daerah-daerah lain, projek ini diuruskan oleh GiatMARA yang telah dilantik sebagai agensi pelaksana.

Bagi tahun 2020 hingga 2022 tiada projek **PPRT TAHUNAN** di wilayah KEDA yang dilaksanakan oleh Pihak GIATMARA. Walau bagaimanapun pada tahun 2020, GIATMARA pernah melaksanakan **PPRT PRE PRIHATIN** di Wilayah KEDA yang meliputi kerja baik pulih sebanyak 137 buah rumah. Butiran maklumat adalah seperti berikut:

**PPRT PRE PRIHATIN NEGERI KEDAH DI WILAYAH KEDA TAHUN 2020
AGENSI PELAKSANA : GIATMARA SDN BHD**

PRE / KEDA	KUOTA SAP		PENCAPAIAN		PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
	Bina Baru	Baik Pulih	Bina Baru	Baik Pulih		
Pandang		15		15	195,000.00	192,768.50
Yan		12		12	156,000.00	154,170.50
Kuala Muda		13		13	169,000.00	166,178.00
Baling		30		30	390,000.00	387,058.40
Kulim		57		57	741,000.00	724,196.00
Bandar Baharu		10		10	130,000.00	126,830.20
Jumlah		137		137	1,781,000.00	1,751,201.60

Berikut pula merupakan maklumat **PPRT TAHUNAN** oleh GIATMARA di Negeri Kedah pada tahun 2020-2022:-

**PPRT TAHUNAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN 2020 – 2022
AGENSI PELAKSANA : GIATMARA SDN BHD**

TAHUN	KUOTA SAP		PENCAPAIAN		PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
	Bina Baru	Baik Pulih	Bina Baru	Baik Pulih		
2020	36	371	36	369	6,551,000.00	6,276,749.39
2021	33	302	33	302	5,741,000.00	5,548,051.54
2022	129	591	64	291	15,858,308.00	7,597,894.30
Jumlah	198	1264	133	962	28,150,308.00	19,422,695.23

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah atau pendekatan baru yang akan dilaksanakan untuk menggalakkan vaksinasi dalam kalangan kanak-kanak, memandangkan kadar vaksinasi ketika PICKids dilaksanakan hanya sekitar 50%. Apakah Kerajaan bersedia melaksanakan satu lagi kempen vaksinasi besar-besaran khas untuk kanak-kanak, dengan penglibatan sekolah dan tadika.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 untuk kanak-kanak (PICKids) bermula pada 3 Februari 2022. Pemberian dos penggalak untuk kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun telah dimulakan pada 18 Julai 2022, untuk kanak-kanak yang mempunyai sistem imuniti tubuh yang rendah (*moderate or severely immunocompromised*). Seterusnya pemberian dos penggalak diperluaskan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira status kesihatan mereka bermula 9 Januari 2023. Setakat 30 Januari 2023, seramai 1,771,928 orang atau 49.9% kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 tahun menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 dan 1,539,234 atau 43.4% telah melengkapkan dua dos.

2. Setelah mendapat kelulusan peluasan pemberian vaksin dos penggalak COVID-19 pada 9 Januari 2023, Kementerian Kesihatan mula melaksanakan pemberian dos penggalak dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun. Bagi meningkatkan penerimaan program PICKids dalam kalangan ibu bapa/ penjaga, KKM melaksanakan aktiviti promosi dan pendidikan secara berterusan di pelbagai saluran media bagi memastikan masyarakat mendapat maklumat yang tepat. Antara mesej yang disampaikan ialah keberkesanan serta keselamatan vaksin yang menggunakan formulasi khusus untuk kanak-kanak, kepentingan untuk mendapatkan vaksin dan kemudahan yang mungkin berlaku sekiranya kanak-kanak tidak divaksin.

3. Namun begitu, bagi tempoh 17 hingga 30 Januari 2023, hanya seramai 2,133 orang atau 0.1% ibu bapa membawa anak untuk dos penggalak. Pencapaian yang rendah ini disebabkan kurangnya permintaan daripada ibu bapa walaupun KKM telah mempertingkatkan akses dengan menambah sebanyak 858 hospital dan klinik kesihatan sebagai pusat pemberian vaksin (PPV) COVID-19 termasuk untuk kanak-kanak di seluruh negara.

4. Dengan permintaan terhadap vaksin yang terlalu rendah dalam kalangan ibu bapa, kempen besar-besaran pemberian vaksinasi COVID-19 di sekolah dan tadika adalah tidak kos efektif. Sebaliknya, ibu bapa yang berhasrat untuk mendapatkan vaksin bagi anak mereka digalakkan melayari laman sesawang KKM dan ProtectHealth untuk mendapatkan senarai fasiliti KKM dan klinik swasta yang menawarkan vaksin COVID-19. Ibu bapa juga boleh mengambil vaksin untuk anak mereka secara datang terus (*walk-in*) di PPV yang telah disenaraikan dan dihebahkan melalui media sosial rasmi KKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan penjelasan berkaitan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP):

- (a) apakah skop tugas, peranan dan bidang kuasa yang ditetapkan kepada JPKKP serta adakah diselaraskan di semua negeri seluruh negara; dan
- (b) mengapa wujud perbezaan layanan di antara negeri yang diperintah Kerajaan dan pembangkang sedangkan JPKKP sedia ada di negeri yang diperintah Perikatan Nasional sudah teratur organisasinya mengendalikan keperluan rakyat pelbagai kaum dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi negeri-negeri yang tidak sealiran dengan Kerajaan Persekutuan, fungsi utama penubuhan JPKKP adalah sebagai penghubung di antara masyarakat kampung dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di peringkat negeri.

JPKKP juga bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan pelan pembangunan kampung dengan penglibatan komuniti setempat ke arah mewujudkan kampung yang maju dan sejahtera. Bagi tujuan ini, JPKKP telah dilengkapi dengan 13 orang anggota yang diketuai oleh Pengerusi dan dibantu oleh seorang Setiausaha serta 11 orang Ahli Jawatankuasa. Setiap anggota perlu memainkan peranan masing-masing mengikut bidang tugas yang telah ditetapkan. Ini termasuklah dalam bidang pengurusan kewangan, pembangunan prasarana, ekonomi, hal ehwal wanita dan keluarga, kesejahteraan, keselamatan, pendidikan dan lain-lain.

Dengan penubuhan JPKKP tidak memberi maksud bahawa wujudnya perbezaan layanan di antara negeri yang ditadbir oleh Kerajaan dengan pembangkang. Pelaksanaan JPKKP ini telah lama dilakukan sejak tahun 2008 dan dalam tempoh tersebut, tidak berlaku sebarang masalah atau isu besar yang timbul dalam pentadbiran di peringkat kampung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk projek *Opar Rural Growth Centre* yang pernah diluluskan dalam RMK-9 dan RMK-10 memandangkan projek tersebut diibaratkan projek sakit dan masih belum ada tanda-tanda pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada semakan, pihak Kementerian tidak terlibat dengan urusan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek *Opar Rural Growth Centre*. Semakan lanjut Kementerian ini dengan pihak Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak mendapati bahawa projek *Rural Growth Centre (RGC) Opar* yang diluluskan sebelum ini adalah di bawah peruntukan Kerajaan Sarawak.

Pihak Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak memaklumkan bahawa pembangunan RGC Opar merangkumi empat (4) komponen utama iaitu penyediaan infrastruktur asas, pembangunan ekonomi, kemudahan perkhidmatan awam dan pembangunan sumber manusia.

Dibawah konsep pembangunan RGC, Kerajaan Negeri akan hanya membangunkan infrastruktur asas seperti penyediaan tapak, jalan akses, sistem perparitan dan utiliti manakala lain-lain komponen akan dibangunkan oleh agensi-agensi yang berkenaan dan pihak swasta.

Kementerian ini juga difahamkan bahawa setakat ini projek Pakej 1 dan Pakej 2 yang melibatkan kerja-kerja penyediaan tapak di RGC Opar telah siap sepenuhnya. *Certificate of Practical Completion (CPC)* telah dikeluarkan pada 7 Jun 2016 untuk Pakej 1 dan 30 September 2017 untuk Pakej 2.

Bagi meneruskan pembangunan di RGC Opar, Kerajaan Sarawak telah merancang untuk membangunkan kerja-kerja infrastruktur termasuk penyediaan utiliti, jalan dan sistem perparitan. Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, peruntukan sebanyak RM5.7 juta telah diluluskan untuk projek ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada graduan perubatan di Amerika Syarikat yang telah lulus *US Medical Licensing Examination* (USMLE) dibenarkan diterima untuk 'housemanship' dan kemudian dibenarkan mengamalkan profesion kedokteran di Malaysia. Kalau tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, *US Medical Licensing Examination* (USMLE) merupakan suatu peperiksaan yang perlu diduduki oleh mana-mana orang yang ingin mengamal perubatan di Amerika Syarikat dan peperiksaan ini tidak menganugerahkan sebarang kelayakan perubatan. Namun, bagi memastikan kawal selia amalan perubatan di Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab dalam pendaftaran pengamal perubatan dan pengawalseliaan amalan perubatan.

2. Majlis Perubatan Malaysia adalah tertakluk kepada Seksyen 12(1)(a)(i), Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012), yang mana orang yang berhak didaftarkan sementara adalah seseorang yang mempunyai kelulusan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012). Jadual Kedua ini merujuk kepada senarai kelulusan yang boleh didaftarkan oleh MPM. Namun, orang yang berhak didaftarkan sementara ini adalah tidak tertakluk sama ada mereka telah lulus ataupun tidak dalam USMLE.

3. Sehubungan itu, mana-mana graduan perubatan daripada universiti yang tersenarai dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) layak untuk didaftarkan sementara setelah dia mengemukakan bukti telah dipilih untuk menjalani latihan siswazah seperti yang tertakluk dalam Seksyen 13(2).

4. Setelah melengkapkan latihan siswazah, mereka layak didaftarkan penuh setelah memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan dalam Seksyen 14(1) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

5. Untuk makluman, sebanyak 89 institusi daripada Amerika Syarikat yang telah diiktiraf oleh pihak MPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN AZLI BIN YUSOF
[SHAH ALAM]**

TARIKH : **8 MAC 2023 (RABU)**

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan : -

- (a) perincian kecukupan klinik kesihatan yang ada di seluruh negara dan kriteria yang digunakan untuk menambah bilangan sedia ada ; dan
- (b) rancangan penambahan bilangan klinik di daerah Petaling dan negeri Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa sekarang, terdapat 1,051 buah klinik kesihatan beroperasi di seluruh negara dengan nisbah satu klinik kesihatan kepada 30,819 penduduk. Perkhidmatan Klinik Kesihatan juga disokong dengan 1,752 buah Klinik Desa, 87 buah Klinik Kesihatan Ibu & Anak dan 253 buah Klinik Komuniti.

2. Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa komited menambah baik prasarana perkhidmatan kesihatan samada membina baharu atau menaik taraf klinik kesihatan sedia ada berdasarkan faktor-faktor seperti berikut tertakluk kepada ketersediaan tapak sesuai dan peruntukan Kerajaan:

- (i) peningkatan bilangan pesakit / kepadatan penduduk;
- (ii) keadaan infrastruktur bangunan;
- (iii) perkembangan perkhidmatan kesihatan; dan
- (iv) akses kepada perkhidmatan sedia ada.

3. Pada ketika ini terdapat empat (4) klinik kesihatan di Selangor yang sedang dalam fasa perolehan dan pembinaan iaitu:

- (i) Klinik Kesihatan (Jenis 3) Selayang Baru, Gombak;
- (ii) Klinik Kesihatan (Jenis 3) Timah Langat, Dengkil;
- (iii) Klinik Kesihatan (Jenis 3) Sijangkang, Kuala Langat; dan
- (iv) Klinik Kesihatan (Jenis 2) Semenyih, Hulu Langat.

4. Selain itu, KKM juga telah mengenal pasti keperluan sebuah Klinik Kesihatan baharu di USJ 1, Subang Jaya, daerah Petaling dan projek ini telahpun diluluskan dalam *Rolling Plan 3*, RMK-12 untuk dilaksanakan mulai tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang tergendala terutama di Johor dan puncanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Negeri Johor berjumlah RM 421.5 juta dibawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) melibatkan empat (4) projek iaitu:

- i. RTB Lembangan Sungai Kesang;
- ii. RTB Lembangan Sungai Muar Fasa II;
- iii. RTB Sungai Pemandi; dan
- iv. RTB Sungai Batu Pahat.

2. Projek RTB Lembangan Sungai Kesang dalam peringkat pelaksanaan secara berpakej. Dua (2) pakej telah pun siap dilaksanakan di tapak manakala pakej terakhir bagi projek ini sedang dalam proses

pengambilan tanah dan dijangka selesai pada Februari 2023. Projek ini dijangka diiklankan pada sukuan pertama 2023 setelah pengambilan tanah selesai.

3. Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sg. Muar Fasa II telah bermula semasa Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dengan jumlah RM 331 juta. Fasa pertama projek ini ialah pembinaan pintasan sungai di Belemang yang telah pun siap pembinaannya pada tahun 2019. Manakala fasa kedua iaitu pembinaan pintasan di Tanjung Olak sedang dilaksanakan di tapak dan dijangka siap pada akhir tahun 2023.

4. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pemandi berjumlah RM42 juta telah diluluskan pada RMKe-11. Projek ini sedang dalam proses pengambilan balik tanah dan tender dijangka dilaksanakan pada tahun 2023.

5. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Batu Pahat berjumlah RM 48.5 juta telah diluluskan pelaksanaannya untuk tahun 2021. Projek ini dalam peringkat pra pelaksanaan dimana pihak perunding telah dilantik untuk melaksanakan rekabentuk terperinci dan dokumen tender. Projek ini dijangka diiklankan pada sukuan pertama 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

YB DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana kajian yang telah dilaksanakan mengenai unjuran tindak balas pasaran hartanah kesan peningkatan pembinaan rumah mampu milik oleh Kementerian, dalam situasi lambakan rumah tidak terjual pada waktu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data yang diterima daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre*, NAPIC), bagi data awalan suku ketiga tahun 2022 (Q3^P 2023) rumah siap dibina tidak terjual adalah seperti berikut:

- i. 76% bagi rumah berharga RM300,000 dan ke atas; dan
- ii. 24% bagi rumah berharga RM300,000 dan ke bawah.

Jumlah lambakan rumah tidak terjual (*overhang*) tertinggi tertumpu kepada kediaman berharga RM300,000 ke atas. Sehubungan itu, adalah wajar untuk Kerajaan meneruskan program penyediaan Rumah Mampu

SOALAN NO : 27

Milik (RMM) sebanyak 500,000 unit dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, **KPKT juga sedang melaksanakan beberapa tindakan untuk menangani isu rumah tidak terjual**. Antara tindakan yang sedang diambil adalah:

- (1) mengkaji dan melaksanakan analisis data lambakan tidak terjual bagi mengenal pasti penyelesaian yang bersesuaian. Terkini, KPKT sedang melaksanakan proses verifikasi dan analisis bagi data-data yang dilaporkan, dan dapatan daripada proses ini akan dimasukkan untuk penetapan dasar yang akan dilaksanakan bersekali dengan Kajian Semula Dasar Perumahan Negara;
- (2) Kerajaan juga menggalakkan pemaju untuk melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual; dan
- (3) membangunkan Pusat Data Perumahan (BDA) sebagai sumber rujukan berpusat bagi data perumahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status Projek Bekalan Air Luar Bandar Puncak Borneo Fasa Dua dan bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Puncak Borneo Fasa II, Bahagian Kuching, Sarawak telah selesai dilaksanakan Makmal Kajian Nilai (VA *Lab*) pada 25 hingga 29 Julai 2022. Projek ini kini dalam peringkat penyediaan dokumen tender oleh pihak perunding sebelum pelaksanaan Makmal Kejuruteraan Nilai (VE *Lab*) yang dijangka diadakan pada suku kedua tahun 2023. Projek ini dijangka tender pada suku ketiga tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN DR. HAJI ABDUL GHANI BIN AHMAD
[JERLUN]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan statistik kesalahan jenayah dan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pendatang asing mengikut negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sepanjang tahun 2022 pihak PDRM telah merekodkan 1,957 tangkapan yang melibatkan pendatang asing yang melibatkan kesalahan di bawah Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda. Jenis kesalahan di bawah Jenayah Kekerasan ialah bunuh, rogol, samun berkawan dan bersenjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api dan mencederakan orang. Bagi Jenayah Harta Benda pula, ia melibatkan kesalahan mencuri, mencuri motokar, mencuri motosikal, mencuri kenderaan berat dan pecah rumah.

Sebanyak 737 tangkapan dibuat di bawah Jenayah Kekerasan dan 1,220 tangkapan di bawah Jenayah Harta Benda. Daripada jumlah tersebut jenis kesalahan yang sering dilakukan seperti kesalahan curi 836 tangkapan, kesalahan mencederakan 297 tangkapan dan kesalahan pecah rumah dan curi 288 tangkapan serta pelbagai lagi kesalahan. Dari segi tangkapan pendatang asing mengikut negara pula, pendatang asing warganegara Indonesia seramai 580 orang, Myanmar 361 orang, Bangladesh 302 orang dan Filipina 275 orang dan lain-lain negara 439 tangkapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZAHIR HASSAN [WANGSA MAJU]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan serta garis masa Kementerian ke arah pewartaan perjawatan bagi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju memandangkan Wangsa Maju adalah satu kawasan Parlimen yang mempunyai kepadatan penduduk sekilometer persegi yang tertinggi di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pewujudan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju, Kuala Lumpur adalah pecahan daripada persempadanan semula kawasan pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul melalui Warta Kerajaan P.U (B) 245 bertarikh 19 Mac 2010. IPD Wangsa Maju merupakan IPD Kategori A dengan jumlah kepadatan penduduk seramai 1.3 juta orang dengan keluasan 87.3km persegi.

IPD WangsaMaju mula beroperasi pada 3 Mac 2014 di bangunan Balai Polis Pudu yang telah diubah suai. Sehingga kini, tiada perjawatan baharu diluluskan kepada IPD Wangsa Maju kecuali enam perjawatan di Bahagian Integriti dan Pematuhan Standard melalui Waran Perjawatan Bil. K29 Tahun 2020 bertarikh 4 Mac 2020 dan 17 perjawatan Unit Rondaan Bermotosikal Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (BPJKK). Bagi memastikan IPD Wangsa Maju dapat melaksanakan fungsi dan peranan yang telah ditetapkan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menempatkan sebanyak 178 perjawatan iaitu 57 Pegawai Kanan Polis, 112 Pegawai Rendah Polis dan 9 pegawai awam secara sandaran.

PDRM dalam proses melaksanakan kajian pengoptimuman perjawatan secara menyeluruh bagi melihat keperluan perjawatan sebenar demi memastikan penggunaan sumber manusia yang optimum. Kajian ini turut melibatkan cadangan pewujudan perjawatan IPD Wangsa Maju secara hakiki.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan projek Hospital Kampar baru memandangkan RM416 juta telah diluluskan dalam bajet 2020 dan tapak baharu di Kampung Changkat Baru telah diluluskan Kerajaan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati bahawa tiada keperluan mendesak untuk hospital baharu bagi menggantikan Hospital Kampar sedia ada. Kadar *Bed Occupancy Rate* (BOR) bagi bulan Januari 2023 masih rendah iaitu hanya 54.22%. Hospital Kampar sedia ada juga mempunyai lawatan pakar secara kluster bersama dengan Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) selaku hospital *lead* di kluster tersebut dan kapasiti ini adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan semasa kepada penduduk setempat. Sekiranya terdapat keperluan di masa akan datang, KKM akan mempertimbangkan untuk membina hospital baharu ini.

2. KKM juga ingin menjelaskan bahawa tapak baharu di Kampung Changkat Baru belum diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri hanya mencadangkan kepada KKM untuk membuat pengambilan lot-lot tanah tersebut. Namun begitu, berdasarkan semakan didapati bahawa sebahagian besar dari tapak cadangan ini merupakan tanah-tanah milik individu bagi Projek Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) dan sebahagiannya lagi adalah tanah Kerajaan (Negeri). Situasi ini akan menyebabkan implikasi kos yang tinggi bagi tujuan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan tentunya melibatkan tempoh masa yang panjang untuk menyelesaikan pampasan bagi setiap pemilik tanah.

3. Berdasarkan ulasan-ulasan dari Jabatan-jabatan teknikal, KKM akan melaksanakan kajian kesesuaian tanah (*soil investigation*) terlebih dahulu ke atas tapak-tapak tanah yang dicadangkan bagi memastikan kesesuaiannya serta membuat perancangan yang teliti sebelum melaksanakan proses selanjutnya. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul selepas pengambilan tanah dibuat dan seterusnya melancarkan pelaksanaan projek kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah untuk mengatasi pengurusan sampah industri di Parlimen Tanjung Piai yang tidak termasuk dalam tanggungjawab konsesi pengurusan sampah Pihak Berkuasa Tempatan dan menjadi tanggungjawab industri mengurusnya sendiri walaupun pihak industri membayar cukai menjadikan pihak industri merasa tidak adil dan membebankan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan kutipan sisa pepejal bagi premis perindustrian perlu dibiayai dan diuruskan sendiri oleh pemilik premis dan pemilik premis sedia maklum berkenaan perkara ini. Cukai taksiran yang dibayar oleh pemilik premis industri bukan hanya untuk menampung pengurusan sisa pepejal sahaja, ianya juga adalah untuk menampung kos pembangunan dan mengekalkan infrastruktur serta perkhidmatan tempatan. Sekiranya terdapat isu berkenaan cukai, ianya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sehubungan itu, bagi menambah baik pengurusan sisa pepejal di kawasan perindustrian, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mewartakan dua (2) peraturan baharu pada 1 Ogos 2018 yang dikuatkuasakan pada 1 Mac 2020 iaitu:

- i. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018; dan
- ii. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusaha atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018.

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) merupakan agensi pelaksana untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan ini. Kementerian melalui SWCorp akan meningkatkan hebahan dan sesi libat urus bersama pemilik premis industri agar pengurusan sisa pepejal dapat dilaksanakan dengan efektif dan berkesan serta mematuhi peraturan sedia ada. Pejabat SWCorp Negeri Johor akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan di sekitar kawasan perindustrian termasuk di Parlimen Tanjung Piai bagi memastikan pengurusan sisa pepejal diurus dengan lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan cadangan Kerajaan ketika itu (2013 - 2018) untuk membina Pusat Rehabilitasi di Serian bagi negeri Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui PERKESO menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat Serian berkenaan pembinaan Pusat Rehabilitasi bagi negeri Sabah dan Sarawak. Namun demikian, cadangan Kerajaan ketika itu (2013 hingga 2018) perlu diperhalusi semula dengan teliti dan melaksanakan kajian terperinci dengan mengambil kira pelbagai faktor secara menyeluruh dari segi impak sosioekonomi, kemampuan dana organisasi, faktor geografi, keperluan semasa dan keutamaan kepentingan (*urgency*).
2. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian menerusi PERKESO juga telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Sarawak bagi menyediakan dan memanjangkan program serta kemudahan rehabilitasi di Bumi Kenyalang menerusi penyediaan kemudahan tersebut di Hospital Pengajar UNIMAS. Inisiatif murni ini memberi manfaat kepada masyarakat setempat terutamanya para pencarum PERKESO untuk mendapatkan rawatan rehabilitasi di kampus UNIMAS. MoU ini juga merintis kolaborasi dua hala dalam aspek penyelidikan dan pembelajaran.
3. Selain itu, ianya bertujuan bagi meningkatkan kemahiran serta pengetahuan anggota dalam bidang-bidang seperti perubatan, rehabilitasi, intervensi neurologi, kesihatan mental, kemahiran kesihatan bersekutu, robotik, latihan vokasional, keselamatan dan kesihatan, pengurusan hilang upaya, Program *Return To Work* (RTW), dan program perkhidmatan pekerjaan.
4. Penubuhan sebuah pusat rehabilitasi perubatan dan vokasional yang lengkap dengan kemudahan teknologi rehabilitasi terkini juga memerlukan peruntukan kos pembangunan yang besar akibat daripada peningkatan kos bahan binaan dan cabaran logistik global semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila agaknya pembinaan Hospital Lawas baru yang lama tergendala dapat disiapkan dan apa jaminan ianya akan disediakan dengan kemudahan doktor-doktor pakar penyakit kronik seperti pakar bedah dan pakar lainnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Hospital Lawas (76 katil) telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM228.17 juta. Sehingga 31 Januari 2022, kemajuan fizikal projek telah mencapai 25.21% berbanding jadual sebanyak 24.41% iaitu mendahului jadual sebanyak 0.8% iaitu bersamaan 30 hari. Projek ini dijangka siap pada 11 Disember 2024.

2. KKM bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia sentiasa memantau pelaksanaan projek ini agar berjalan dengan lancar dan disiapkan mengikut jadual, kos dan piawai yang telah ditetapkan.

3. KKM mempunyai perancangan untuk menyediakan perkhidmatan kepakaran asas yang akan disediakan secara berperingkat mengikut ketersediaan sumber dan fasiliti yang bakal disiapkan di hospital ini iaitu seperti berikut:

- i. Perkhidmatan Perubatan Am;
- ii. Pembedahan Am;
- iii. Perubatan Kecemasan;
- iv. Perkhidmatan Pediatrik; dan
- v. Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT
TALIB [PARIT]**

TARIKH : **8 MAC 2023 (RABU)**

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TALIB [PARIT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan meminta Jabatan Perkhidmatan Awam mempertimbangkan agar elaun kritikal diberi juga kepada jurupulih fisioterapi dan jurupulih cara kerja seperti mana ia diberi kepada para doktor dan jururawat atas sebab risiko pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil berat tentang kebajikan dan keselamatan anggota kesihatan. KKM juga berterima kasih dan mengambil maklum saranan pelbagai pihak yang turut prihatin terhadap isu keselamatan dan kebajikan petugas kesihatan kementerian.
2. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) telah diperkenalkan pada tahun 1992 kepada pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang menghadapi kekurangan bekalan tenaga manusia dalam perkhidmatan tertentu. BIPK diberikan berdasarkan kepada empat (4) kriteria yang telah ditetapkan iaitu:
 - i. peranan dan sumbangan perkhidmatan ke arah pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara berdasarkan bidang-bidang yang telah diberi keutamaan di bawah rancangan-rancangan pembangunan negara;

NO. SOALAN: 35

- ii. kedudukan persaingan dalam pasaran buruh bagi tenaga anggota terlatih yang diperlukan, meliputi pertimbangan ke atas faktor-faktor seperti kedudukan penawaran dan permintaan, kadar pusing ganti dan kadar saraan di pasaran bagi kategori tenaga kerja berkenaan;
 - iii. kelayakan dan kebolehan yang perlu ada pada perkhidmatan iaitu dari segi kelayakan dan latihan, pengalaman, kepakaran, kemahiran dan bakat; dan
 - iv. keadaan persekitaran tempat kerja yang dilihat dari segi kesan-kesan kepada kesihatan, pendedahan kepada risiko-risiko kemalangan dan sistem waktu kerja yang digunakan.
3. Hingga kini, 33 skim perkhidmatan daripada pelbagai kementerian telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal dan layak menerima BIPK. Di bawah Kementerian Kesihatan, sebanyak lapan (8) skim perkhidmatan telah diberikan BIPK.
4. Buat masa ini, KKM dimaklumkan JPA sedang melaksanakan kajian menyeluruh berhubung pelaksanaan pemberian BIPK kepada skim-skim perkhidmatan yang berkeelayakan di bawah Kajian Rasionalisasi Elaun Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH JAWAB : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

YB DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah balai bomba akan dibina di Kundasang memandangkan tapak untuk pembinaan balai bomba ini sudah pun dikenal pasti lokasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengenal pasti satu tapak tanah seluas 2.23 ekar bagi tujuan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kundasang. Tapak tersebut terletak di Pekan Kundasang berhampiran Masjid Jamek Kundasang dan permohonan telah dipanjangkan kepada pihak pentadbir tanah tempatan dan kini dalam proses kelulusan perakuan bagi tapak tersebut. Justeru, pelaksanaan bagi pembinaan BBP Kundasang adalah tertakluk kepada ketersediaan tapak tanah sebelum pihak Kementerian memohon kelulusan peruntukan daripada agensi pusat.

Pada masa kini, kawasan Kundasang mendapat khidmat kebombaannya daripada BBP Ranau dengan jarak 15 kilometer yang mengambil masa lebih kurang 25 minit untuk tiba ke kawasan tersebut. Kementerian bersama-sama dengan JBPM sentiasa memandang serius

berhubung isu-isu keselamatan melibatkan penempatan yang berada jauh daripada BBP. Oleh yang demikian, beberapa langkah proaktif telah dan akan diambil dalam memperkasakan pasukan bantuan awal dengan penglibatan komuniti setempat melalui inisiatif seperti berikut:

- (i) menubuhkan **Pasukan Bomba Sukarela (PBS)** di kawasan pedalaman bagi membantu dalam proses pemadaman peringkat awal seandainya berlaku sebarang insiden kebakaran; dan
- (ii) memperluas serta memperkasakan penubuhan **Bomba Komuniti** di mana kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaian dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api, peralatan asas pemadaman seperti pam angkut (bersaiz kecil) dan hos akan disediakan dan dibekalkan. JBPM Negeri Sabah juga mensasarkan penubuhan **tiga (3) pasukan Bomba Komuniti** pada tahun 2023 di kawasan Kundasang iaitu **Bundu Tuhan, Kampung Lembah Permai** dan **Kampung Mesilou**.

Selain daripada itu, pelaksanaan kempen kesedaran keselamatan kebakaran akan terus dipergiatkan melalui program 1 Rumah 1 Alat Pemadam Api (1RAPI), Sedia Urus Isi Rumah (SURI) dan penyediaan alat pengesan asap serta gas (*MyAlert*).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan, jumlah kelulusan serta alasan penolakan permohonan warganegara oleh individu tanpa kewarganegaraan (stateless) mengikut pecahan jantina dan kaum (iaitu Melayu, Cina, India, Bumiputera bukan Melayu Semenanjung, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan lain-lain dari tahun 2012 hingga tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN hanya akan merekodkan status sama ada seseorang individu sebagai warganegara atau bukan warganegara sahaja berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung individu berkenaan sewaktu kelahiran berlaku. Sehubungan itu, JPN tidak merekodkan individu yang tidak memiliki taraf kewarganegaraan (*stateless*) dan JPN tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan (*stateless*).

Kendatipun, berdasarkan rekod JPN, sebanyak 145,768 permohonan kewarganegaraan diterima bagi individu bertaraf bukan warganegara dari tahun 2012 hingga 2022. Dari jumlah berkenaan sebanyak 33,622 permohonan yang telah diluluskan dengan pecahan mengikut jantina lelaki sebanyak 7,851 dan perempuan sebanyak 25,771. Manakala permohonan yang telah diluluskan mengikut keturunan dengan jumlah tertinggi adalah 14,777 berketurunan Indonesia, 4,354 berketurunan India, 3,048 berketurunan Thai, 2,601 berketurunan Filipina, 2,360 berketurunan Cina dan 6,482 lain-lain keturunan.

Dimaklumkan bahawa penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahataran anak, dan peraturan imigresen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan komitmen Kementerian untuk membina dan menaik taraf jaringan jalan raya luar bandar dan jalan perhubungan desa di Sabah, khususnya di Parlimen Kudat yang jauh ketinggalan dalam arus pembangunan di mana kebanyakan jalan utama kampung tersebut hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa komited dan mengambil maklum akan keperluan masyarakat luar bandar terutamanya di Sabah yang memerlukan kemudahan infrastruktur khususnya jalan-jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa yang masih jauh ketinggalan dalam arus pembangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang RMKe-11 dan RMKe-12 sehingga tahun 2022, sebanyak 12 projek jalan luar bandar di Parlimen Kudat telah diluluskan dengan keseluruhan kos projek berjumlah RM536.17 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7 projek telah siap, 1 projek dalam pembinaan dan 4 projek berstatus lantikan perunding dan proses rekabentuk.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, permohonan projek-projek jalan luar bandar adalah berdasarkan senarai permohonan yang diterima daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah. Dalam hal ini, sekiranya terdapat keperluan bagi menaik taraf jalan-jalan luar bandar, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan tersebut kepada UPEN Sabah untuk dimasukkan ke dalam Senarai Keutamaan Negeri sebelum diangkat oleh Kementerian kepada Kementerian Ekonomi bagi kelulusan di bawah *Rolling Plan* berikutnya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebanyak RM600 juta telah diperuntukan melalui RMKe-12 bagi pelaksanaan projek Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) di Sabah. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat boleh mengemukakan senarai permohonan bantuan JPD untuk siasatan dan tindakan selanjutnya mengikut garis panduan berkuatkuasa serta tertakluk kepada peruntukan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NURUL AMIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan keselamatan semasa bertugas oleh anggota AADK ketika membuat operasi penguatkuasaan dan tangkapan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi keutamaan terhadap aspek keselamatan pegawai dan kakitangan Agensi dan Jabatan di bawahnya terutama semasa menjalankan operasi penguatkuasaan. Dalam memastikan tindakan sewajarnya diambil di semua peringkat dengan teratur, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah mengeluarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) mengenai pelaksanaan operasi penguatkuasaan.

Setiap pegawai dan kakitangan AADK perlu mematuhi PTKP tersebut bersama Perintah Gerakan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa semasa operasi dilaksanakan. Selain itu, AADK juga dilengkapi dengan peralatan keselamatan bagi tujuan penguatkuasaan semasa operasi diadakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah pam-pam bergerak yang disediakan di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengurangkan risiko banjir terutama di kawasan sawah padi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak mempunyai 145 buah pam bergerak. Daripada 145 buah pam tersebut, 96 buah adalah milik kerajaan negeri dan baki adalah milik kerajaan persekutuan. Sebahagian besar pam-pam bergerak tersebut ditempatkan secara sementara di pelbagai lokasi yang berisiko banjir termasuk kawasan padi dan sebahagian lagi dalam siap siaga di stor-stor daerah JPS Negeri Perak.

2. Bagi JPS Daerah Kerian, terdapat 21 buah pam bergerak ditempatkan di kawasan sawah padi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan dan pendirian Kerajaan dalam menaik taraf Hospital Miri kepada Hospital Utara Wilayah Sarawak setaraf hospital di setiap ibu negeri dan mempunyai perkhidmatan dan kelengkapan sepenuhnya termasuk rawatan kanser dan penyakit jantung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Hospital Miri yang mempunyai kapasiti sebanyak 348 buah katil, merupakan hospital berpakar yang menawarkan 23 perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran.
2. Selari dengan hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meningkatkan mutu serta penyampaian kesihatan kepada penduduk di Sarawak, KKM mempunyai perancangan untuk menaiktaraf perkhidmatan kepakaran di Hospital Miri agar setara dengan perkhidmatan hospital negeri dengan sasaran perkhidmatan sebanyak 49 kepakaran dan subkepakaran. Namun begitu, perancangan ini akan dijalankan secara berfasa bergantung kepada keadaan kewangan semasa serta sumber tenaga kerja yang mencukupi.
3. Sebagai persediaan untuk pertambahan perkhidmatan kepakaran di Hospital Miri, projek pembinaan blok baharu dengan pertambahan

sebanyak 328 katil sedang dalam fasa pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun 2024.

4. Untuk makluman, pusat utama bagi perkhidmatan jantung dan juga kanser di Sarawak adalah di Pusat Jantung Sarawak dan juga Hospital Umum Sarawak yang terletak di bandaraya Kuching. Walaupun Hospital Miri tidak mempunyai pakar dalam kedua bidang tersebut, ini tidak bermakna perkhidmatan kepakaran berkaitan tidak disediakan.

5. Bagi perkhidmatan jantung, pesakit yang mengalami kecemasan akan diberikan rawatan awal yang disediakan di Hospital Miri terlebih dahulu dan akan dirujuk ke Pusat Jantung Sarawak bagi rawatan definitif apabila stabil dan memerlukan rawatan susulan atau prosedur tertentu. Begitu juga bagi pesakit kanser, perawatan awal tetap disediakan oleh Hospital Miri dan akan dirujuk ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

6. Kekurangan pakar perubatan di Hospital Miri bagi kedua bidang ini adalah disebabkan jumlah Pakar Kardiologi dan Onkologi yang berkhidmat di hospital-hospital KKM juga tidak mencukupi. Hanya 10% sahaja daripada 300 orang pakar kardiologi di seluruh Malaysia yang bekerja di hospital KKM manakala selebihnya memberikan perkhidmatan di hospital-hospital swasta dan universiti. Manakala, bagi perkhidmatan onkologi pula, 35% (58 orang) daripada 168 orang pakar onkologi di seluruh berkhidmat di Hospital KKM manakala selebihnya memberikan perkhidmatan di hospital-hospital swasta dan universiti.

7. Walaupun Hospital Miri tidak mempunyai kepakaran onkologi dan kardiologi secara tetap, namun begitu, ia mempunyai pakar residen di dalam bidang gine-onkologi dan menerima perkhidmatan lawatan pakar secara berkala di dalam bidang kardiologi pediatrik dan hemato-onkologi pediatrik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pelan perancangan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan yang berisiko khususnya kawasan yang berhampiran dengan sungai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian telah mengambil langkah kaedah pencegahan banjir secara struktur dan bukan struktur bagi langkah mitigasi banjir. Bagi pendekatan secara struktur, projek tebatan banjir dibina dengan pelbagai kombinasi struktur, seperti empangan, ban atau *levee*, kolam takungan, rumah pam dan sebagainya. Manakala strategi pendekatan bukan struktur seperti pengeluaran ramalan dan amaran awal banjir.
2. Kementerian juga melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management*, IRBM). Pendekatan IRBM ini memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan dalam pemeliharaan kuantiti dan kualiti sumber air dalam pengurusan lembangan sungai.
3. Terdapat empat (4) objektif utama dalam pendekatan IRBM iaitu
 - i. memastikan air mencukupi,
 - ii. memastikan air bersih,
 - iii. mengurangkan risiko banjir dan
 - iv. meningkatkan pemuliharaan alam sekitar.
4. Melalui pelan IRBM, cadangan perancangan dan pembangunan sumber air sesebuah lembangan boleh dijadikan rujukan oleh pihak Kerajaan Negeri dan semua pihak berkepentingan. Dalam merancang pembangunan, kesan terhadap kelestarian alam sekitar perlu diberikan perhatian terutamanya sumber air.
5. Selain itu, di bawah *Rolling Plan 3* (RP3) RMKe-12, sebanyak 212 projek baru dan sambungan berjumlah RM 918 juta telah diluluskan bagi pembangunan sementara sehingga Jun 2023, untuk kerja-kerja mengatasi masalah banjir di kawasan berisiko khususnya kawasan berhampiran dengan sungai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]
TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

YB DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status permohonan projek membina 500 unit Perumahan Rakyat (PPR) Fasa 2 Batu Putih dalam Parlimen Libaran dan 500 unit Projek PPR Fasa 2 Taman Harmoni di Parlimen Sandakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat enam (6) buah Program Perumahan Rakyat (PPR) telah siap dibina di Parlimen Libaran termasuk PPR Batu Putih Fasa 1 dengan bilangan keseluruhan 4,400 unit.

Salah satu daripada PPR di Parlimen Libaran ialah PPR Batu Putih Fasa 1 yang menawarkan 900 unit rumah yang telah siap dibina dan diserahkan kepada pemilik pada 28 November 2019. Pada tahun 2018, cadangan pembangunan projek PPR Batu Putih 2 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Walau bagaimanapun, pada tahun 2021, Kerajaan memutuskan untuk tidak

SOALAN NO : 43

meneruskan pembangunan bagi projek PPR Batu Putih Fasa 2 disebabkan kekangan peruntukan.

Berdasarkan semakan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), adalah didapati Projek PPR Fasa 2 Taman Harmoni tiada dalam senarai perancangan pembangunan PPR buat masa ini. Namun, KPKT mempunyai projek PPR Taman Harmoni yang terletak di Parlimen Sandakan dan PPR ini telah siap dibina pada tahun 2015 dengan 1,000 unit rumah.

Berdasarkan kepada perancangan projek-projek baharu PPR, KPKT tidak mempunyai sebarang perancangan pembangunan PPR di Parlimen Libaran dan Parlimen Sandakan. Walau bagaimanapun, unjuran perancangan PPR adalah bergantung kepada kajian pasaran dan memfokuskan kepada kawasan / negeri yang lebih memerlukan. KPKT sentiasa bersedia mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan PPR yang diterima daripada kerajaan negeri atau mana-mana pihak yang berkepentingan. Cadangan-cadangan tersebut akan diteliti berdasarkan kepada keutamaan yang dicadangkan oleh kerajaan negeri, kesesuaian tapak dan keperluan penduduk setempat. Namun, sebarang kelulusan bagi projek-projek ini adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan dan langkah Kementerian yang telah diambil untuk mengelakkan banjir kilat yang sering berlaku ke atas kampung sekitar Bukit Payong selepas pembinaan penempatan pembuangan sampah di bukit berkenaan khasnya Kampung Mohd Nor, Batu 5, Parit Sulong.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari (TPS) Bukit Payong merupakan tapak yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri Johor kepada Kerajaan Persekutuan dan telah dizonkan sebagai Tapak Pelupusan dalam Rancangan Tanah Daerah (RTD) Batu Pahat (Penggubahan) 2002-2020. Justeru, bagi memastikan pembinaan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (TPSP) tersebut dilaksanakan dengan teratur serta mengelakkan kesan negatif terhadap alam sekitar, satu Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment*, EIA) telah dilaksanakan sebelum pembinaan TPSP tersebut dimulakan. Dalam hal ini, kajian EIA tersebut turut mengambil kira aliran air di Parit Puron untuk memastikan aliran air tersebut tidak terganggu sehingga boleh menyebabkan risiko banjir.

SOALAN NO : 44

Environmental Management Plan (EMP) juga telah dilaksanakan semasa peringkat awal pembinaan TPSP tersebut bagi memastikan tiada pencemaran berlaku sepanjang pelaksanaan projek tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak projek ini mempunyai *Erosion and Sediment Control Plan* (ESCP) bagi mengawal hakisan dan sedimen serta bertujuan mengelakkan risiko banjir. Walau bagaimanapun, Kementerian ini mendapati terdapat aktiviti guna tanah yang dijalankan oleh pihak lain iaitu pertanian dan penternakan di kawasan berdekatan tapak pelupusan antaranya seperti kebun jambu, betik dan sayur serta kolam katak dan kolam ikan yang berada tidak jauh dari tapak dan berada di kawasan sekitar jajaran Parit Puron.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, kejadian banjir kilat telah mula berlaku di kawasan Bukit Payong sebelum kerja-kerja pembinaan di tapak projek dimulakan. Isu kejadian banjir kilat ini perlu dilihat secara menyeluruh. Ini kerana antara isu yang berbangkit adalah sisa terapung daripada sungai tersangkut pada tiang jambatan dan menghalang laluan air seterusnya menyebabkan berlakunya banjir kilat. Kejadian ini kebiasaanya berlaku ketika musim hujan yang menunjukkan rekod taburan hujan yang tinggi. Malah, kawasan Batu Pahat bukan satu-satunya kawasan yang mengalami banjir sejak penghujung Januari yang lepas, namun kawasan-kawasan di sekitar daerah Kota Tinggi, Kluang, Mersing dan Segamat juga turut terjejas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **KPKT sedia mengkaji serta mempertimbangkan permohonan peruntukan berkaitan perparitan bandar daripada PBT terutamanya di kawasan yang sering berlaku banjir sekiranya kawasan tersebut berada di dalam kawasan PBT.** Bagi memastikan aduan rakyat dapat ditangani dengan baik, pihak KPKT bersedia menyelaras sekiranya aduan tersebut tidak berada dalam kawasan operasi PBT melalui penyelarasan dengan agensi-agensi Kerajaan di peringkat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]
TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam menangani kos untuk mendapatkan lesen memandu kenderaan yang sangat mahal bagi kawasan luar bandar terutama kawasan Kota Marudu. Apakah Kementerian melalui Jabatan Pengangkutan Jalan mempunyai perancangan untuk menstruktur kos bagi kemudahan mendapatkan lesen memandu terutama rakyat di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan memahami akan kekangan kewangan yang dihadapi oleh rakyat di kawasan luar bandar untuk mendapatkan lesen memandu di Institut Memandu (IM). Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah memperkenalkan **Program MyLesen** yang merupakan satu program yang dirangka bagi meringankan beban kewangan golongan yang tidak berkemampuan terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman untuk memperolehi lesen memandu kelas motosikal B2. Selain itu, program ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada golongan ini mengenai peraturan dan aspek keselamatan jalan raya melalui kehadiran ke sesi kelas, latihan dan ujian.

2. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak-pihak yang berikut:-

- (i) Agensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan masyarakat;
- (ii) Agensi yang bertanggungjawab dalam menyelaras sumbangan bantuan Kerajaan kepada masyarakat; dan
- (iii) Pemimpin masyarakat yang dilantik atau diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyuarakan hasrat masyarakat.

3. Program ini memfokuskan kepada golongan B40 warganegara Malaysia, berusia 16 tahun ke atas di seluruh Malaysia yang belum memiliki lesen memandu motosikal kelas B2. Individu yang berminat akan dikehendaki menjalani program ini selama 3 hingga 5 bulan dengan kerjasama Institut Memandu (IM) di seluruh Malaysia bagi tujuan sesi latihan, kelas dan ujian.

4. Oleh itu, bagi tujuan pelaksanaan program ini, permohonan boleh dikemukakan kepada Pejabat JPJ yang terdekat termasuk melibatkan kawasan Kota Marudu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan doktor di hospital-hospital Kerajaan sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari tahun ke tahun telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan lagi bilangan Pegawai Perubatan di hospital Kerajaan. Selain bertujuan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan di hospital Kerajaan, pertambahan bilangan Pegawai Perubatan juga dibuat bagi memenuhi sasaran satu (1) Pegawai Perubatan kepada 400 penduduk menjelang tahun 2025 melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

2. Peningkatan dalam jumlah Pegawai Perubatan di sektor awam dan swasta dapat dilihat berdasarkan nisbah kepada penduduk pada tahun 2021, iaitu 1:420 berbanding 1:554 pada tahun 2017. Berdasarkan kepada jumlah Pegawai Perubatan pada tahun 2021, sektor awam telah menyumbang sebanyak 72% daripada keseluruhan 77,775 Pegawai Perubatan di Malaysia.

3. Sehingga 31 Disember 2022, jumlah Pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat di KKM adalah seramai 59,651 orang merangkumi 6,985 Pakar Perubatan dan 52,666 Pegawai Perubatan bukan pakar.

4. Bagi meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan di negara ini, Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai insentif bagi menarik minat Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar untuk terus berkhidmat dengan kerajaan. Antara inisiatif yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) menyegerakan proses lantikan graduan perubatan melalui pelantikan secara kontrak tanpa perlu melalui proses temuduga oleh SPA;
- (ii) meningkatkan slot latihan siswazah di KKM daripada 10,835 pada tahun 2013 kepada 12,228 pada tahun 2022;

- (iii) menggalakkan lebih ramai Pegawai Perubatan melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Kepakaran;
- (iv) meningkatkan peluang latihan kepakaran perubatan supaya lebih ramai doktor pakar dihasilkan melalui Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM;
- (v) melantik semula Pegawai Perubatan Pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan mengikut keperluan;
- (vi) melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan dan bidang kritikal;
- (vii) mendapatkan perkhidmatan kepakaran luar untuk berkhidmat secara *sessional*; dan
- (viii) menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH menyatakan status terkini pembinaan Jalan Sayap – Terintidon - Talungan, Jalan Lahanas – Gandukut - Tangkurus dan Jalan Dudar – Taburon - Mandawang di Parlimen Kota Belud serta kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek yang disebutkan merupakan projek di bawah Program Jalan Luar Bandar iaitu Projek Naiktaraf Jalan Tengkurus Lahanas Siba – Lahanas Sokid, Projek Naiktaraf Jalan Sayap dan Projek Menaiktaraf Jalan Dudar – Taburan – Mendawang, Kota Belud, Sabah.

Bagi Projek Menaiktaraf Jalan Dudar – Taburan – Mendawang, Kota Belud, Sabah telah diluluskan pada tahun 2020 dengan kos keseluruhan sebanyak RM101 juta dan tempoh pembinaan adalah selama 36 bulan. Status projek adalah dalam pembinaan dengan kemajuan fizikal 15.33% dan jangkaan siap pada April 2025.

Projek Naiktaraf Jalan Tengkurus Lahanas Siba – Lahanas Sokid, Kota Belud, Sabah pula telah diluluskan pada tahun 2020 dengan kos keseluruhan sebanyak RM67 juta dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan. Status projek adalah dalam pembinaan dengan kemajuan fizikal 0.90% dan dijangka siap pada November 2025.

Manakala Projek Naiktaraf Jalan Sayap, Kota Belud, Sabah pula, projek ini telah diluluskan pada tahun 2021 dengan kos sebanyak RM145 juta dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan. Status semasa projek adalah dalam proses memuktamadkan pelantikan kontraktor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jalan penyelesaian bagaimana Malaysia tidak lagi kehilangan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta isu taraf gaji yang masih lagi membelenggu rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa proaktif untuk menangani masalah kehilangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi . Antaranya adalah melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) Menggalakkan industri supaya beralih kepada **penggunaan automasi** dan **teknologi canggih** yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi. Dalam masa sama, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat;

- (ii) Kerajaan juga akan memastikan **keutamaan penggajian** diberikan kepada **warga tempatan** terutamanya dalam bidang berkepakaran tinggi. Pengambilan ekspatriat asing hanya akan dilakukan apabila kemahiran atau kepakaran yang diperlukan tidak dimiliki oleh warga tempatan atau bilangannya sangat terhad untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan.
- (iii) Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) **telah** membangunkan **Critical Occupations List (COL)** yang bertujuan memberi penekanan terhadap kebolehpasaran tempatan melalui COL, pihak berkepentingan dapat mengenalpasti kemahiran dan pekerjaan yang sukar dipenuhi merangkumi keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir. COL juga digunakan sebagai rujukan dalam mempertimbangkan kelulusan penggajian ekspatriat asing oleh pihak berkuasa yang terlibat;
- (iv) KSM melalui TalentCorp juga melaksanakan **kolaborasi strategik** merentasi kementerian/ agensi, industri dan institusi pengajian tinggi awam/swasta/ teknikal serta **giat mempromosikan** inisiatif-inisiatif berkaitan pembangunan bakat dan kebolehpasaran takungan bakat muda negara melalui **pelaksanaan**:
 - a) **Platform pemprofilan Mynext** dibangunkan untuk menganalisis penilaian psikometrik, penilaian 360 darjah pelaksanaan latihan industri (pelatih industri – majikan) dan intervensi solusi seperti bimbingan Kerjaya (*coaching & mentoring*) serta peningkatan kemahiran bakat muda.
 - b) **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (National Structured Internship Programme - MySIP)** pula bertindak sebagai penggalak kepada penyertaan dan penglibatan lebih banyak syarikat dan industri untuk melatih bakat muda negara

dengan membuka lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda.

- c) **Young Employable Student (YES): We Are Ready!** dibangunkan selaras dengan keperluan graduan dalam negara dengan diberi pendedahan dalam meningkatkan kemahiran *soft-skills*, pendedahan kerjaya awal, tips kebolehpasaran graduan, tips kerjaya dan kesedaran kerjaya, self-branding, self-awareness, kepimpinan, program kesukarelawan, program impak sosial, perancangan kerjaya dan peningkatan sendiri.

Tuan Yang Di-pertua,

1. **Dasar gaji minimum kebangsaan** digubal untuk menetapkan gaji lantai (*floor wages*) atau gaji pekerja kategori terendah dalam pasaran buruh. Intervensi terhadap pasaran buruh dengan pelaksanaan dasar gaji minimum bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat supaya dapat memenuhi keperluan asas diri dan keluarga mereka.
2. **Kadar gaji lebih tinggi** boleh dirundingkan dengan majikan setimpal dengan kelayakan dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan dan belia. Kadar gaji juga boleh ditetapkan melalui kuasa pasaran yang dimuktamadkan melalui kontrak perkhidmatan dan perundingan Perjanjian Kolektif bagi pekerja yang mempunyai kesatuan sekerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam menyediakan kemudahan teknologi terkini kepada setiap institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memenuhi tahap kebolehpasaran graduan TVET sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan menghadapi cabaran yang besar dalam usaha menambahbaik dan memperkasakan pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kerana perlu menyediakan peruntukan kepada 12 buah Kementerian terutamanya bagi menyediakan kemudahan latihan yang menepati keperluan teknologi terkini bertepatan dengan kehendak industri. Kebergantungan yang tinggi kepada peruntukan Kerajaan menjadi satu kekangan yang menyebabkan kerja-kerja naik taraf kemudahan latihan institusi TVET adalah terbatas dan memerlukan penyelarasan secara menyeluruh.

2. Salah satu lagi cabaran besar ialah perubahan teknologi yang berlaku secara drastik di mana perlunya diadakan satu penilaian berterusan bagi memastikan program-program yang ditawarkan adalah relevan dan selari

SOALAN NO : 49

dengan teknologi semasa. Perubahan terhadap kurikulum latihan, naik taraf kemudahan latihan, dan peningkatan kemahiran tenaga pengajar perlu dilakukan agar graduan TVET yang berkualiti dapat dihasilkan. Ini adalah penting bagi mengelakkan isu ketidakpadanan (*mismatch*) dikalangan graduan TVET. Usaha ini memerlukan perancangan yang komprehensif bagi memastikan program-program TVET menerapkan elemen yang menyokong Industri 4.0 seperti data analitik, teknologi robotik dan *internet of things (IOT)*.

3. Pada masa kini, Kerajaan telah melaksanakan kolaborasi antara institusi TVET bersama industri melalui pendekatan latihan berbentuk Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), *apprenticeship*, *Work Based Learning (WBL)* dan juga *teaching factory*. Walau bagaimanapun, pendekatan ini masih tidak dapat membantu mencapai sasaran negara dalam melahirkan 35 peratus tenaga kerja mahir.

4. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Majlis TVET Negara pada 7 Februari 2023 telah membincangkan Langkah-langkah wajar yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi penambahbaikan terhadap ekosistem TVET negara menerusi kerjasama strategik dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat swasta. Sebagai langkah *quick win*, Kerajaan akan memuktamadkan 10 Memorandum Kerjasama bersama syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat swasta dalam melaksanakan agenda transformasi TVET. Memorandum Kerjasama ini akan menjadi satu dokumen induk yang membuka platform kerjasama antara industri dengan semua institusi TVET merentasi 12 buah Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:

- (a) perancangan Kerajaan untuk membangunkan Industri Perlombongan Unsur Nadir Bumi Radioaktif (NR-REE) secara holistik di negara ini; dan
- (b) adakah status SOP Perlombongan NR-REE telah dimuktamadkan oleh jawatankusa eksekutif berikutan satu projek perintis di mukim Kendering, daerah Hulu Perak di negeri Perak yang telah dijalankan pada tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (*Non Radioactive Rare Earth Element* – NR-REE) ialah salah satu mineral strategik negara seperti yang disenaraikan dalam Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030). Pelan TIM 2021-2030 ini dibangunkan untuk menjadi panduan perancangan pembangunan industri mineral negara secara menyeluruh dan bersepadu meliputi peringkat hulu, pertengahan dan hiliran berdasarkan prinsip bertanggungjawab dan mampan.

2. Sehubungan itu, Kementerian telah membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) NR-REE Negeri Perak yang digunakan sebagai panduan kepada Projek Perintis Perlombongan NR-REE di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak. Kementerian juga telah menyediakan SOP NR-REE Malaysia yang akan digunapakai oleh negeri – negeri lain yang berminat untuk terlibat dalam industri NR-REE.

3. Bagi memberi nilai tambah kepada produk mineral di peringkat pertengahan, Kementerian telah menyediakan pelan pembangunan loji pemrosesan terpusat (*Centralised Processing Plant – CPP*) yang bertujuan memastikan sumber NR-REE diproses terlebih dahulu bagi memberi nilai tambah dan mengelakkan pengeksportan mineral secara mentah.

4. Kementerian juga telah melantik pihak Akademi Sains Malaysia (ASM) untuk menjalankan kajian model perniagaan (*business model*) pembangunan industri NR-REE di Malaysia meliputi keseluruhan ekosistem industri NR-REE untuk dijadikan sebagai dokumen rujukan kepada semua pihak berkepentingan, khususnya sektor industri.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, SOP Perlombongan NR-REE yang disediakan, dinilai oleh sebuah Jawatankuasa Eksekutif yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada pelbagai bidang berkaitan mineral. SOP Perlombongan NR-REE Negeri Perak telah dikuatkuasakan pada 15 April 2022 dan digunakan sebagai dokumen rujukan dalam pelaksanaan Projek Perintis NR-REE di Negeri Perak.

6. SOP NR-REE Malaysia juga telah dibangunkan oleh Kementerian sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam mempertimbangkan sebarang perlombongan NR-REE di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing yang diperlukan dalam semua sektor di Malaysia serta pecahan dan apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan proses pengambilan pekerja asing lebih telus dan mematuhi ketetapan International Labour Organisation (ILO).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut data Jabatan Imigresen Malaysia, **jumlah pekerja asing** dalam pasaran buruh tempatan pada **tahun 2019**, iaitu sebelum tercetusnya wabak COVID-19 ialah sebanyak **1,999,559 orang**. Pada **tahun 2020** pula, jumlah pekerja asing telah **berkurangan kepada 1,483,380 orang**. Stok pekerja asing dalam pasaran buruh tempatan pada **tahun 2021** terus berkurangan kepada **1,171,909 orang** sahaja. Walau bagaimana pun, pada **tahun 2022**, jumlah pekerja asing dalam pasaran buruh tempatan **meningkat sedikit** kepada seramai **1,459,196 orang**.

2. Berdasarkan data-data yang dinyatakan di atas, kita boleh **merumuskan** bahawa **pengurangan stok pekerja asing** dalam pasaran buruh tempatan antara tahun **2019 hingga tahun 2022** adalah sebanyak **27 peratus (540,363 orang)**. Maka kita juga boleh merumuskan bahawa **jumlah pekerja asing yang diperlukan pada masa sekarang** adalah seramai **540,363**. Pecahan keperluan pekerja asing **mengikut sektor** berdasarkan penambahan/kekurangan setiap sektor antara tahun 2019 hingga tahun 2022 adalah seperti berikut:

- i. Perkilangan (-158,976)*
- ii. Pembinaan (-125,032)
- iii. Perladangan (-91,701)
- iv. Perkhidmatan (-93,289)
- v. Pertanian (-34,393)
- vi. Pembantu Rumah Asing (-37,040)
- vii. Perlombongan dan Pengkuarian (+68)

* Untuk bilangan yang negatif contohnya (-158,976), bermaksud bilangan pekerja asing dalam sektor perkilangan telah berkurangan sebanyak 158, 976 orang bagi tempoh bermula dari tahun 2020 hingga 2022 berbanding tahun sebelumnya iaitu 2019. Bagi mengisi keperluan pekerja asing, bilangan keperluan yang boleh dianggarkan ialah sekurang-kurangnya bilangan yang sama dengan bilangan pekerja asing yang telah berkurangan bagi tempoh antara tahun 2020 hingga 2022 iaitu seramai 158, 976 orang berbanding dengan tahun 2019. Jadi, jumlah keperluan pekerja asing yang boleh dianggarkan diperlukan bagi sektor perkilangan ialah seramai 158 976 orang.

3. Pengambilan pekerja asing untuk penggajian di Malaysia adalah melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani dengan negara-negara sumber. Sehingga kini, Malaysia mempunyai kerjasama perburuhan bagi pengambilan dan penggajian pekerja asing melalui MoU dengan 10 negara sumber. Semua MoU yang dimeterai dengan negara-negara sumber ini adalah mematuhi undang-undang dan dasar perburuhan negara dan bersandarkan (*aligned*) kepada standard perburuhan antarabangsa.

4. Semua MoU menerapkan beberapa prinsip asas yang disarankan di bawah *General Principles and Operational Guidelines for Fair Recruitment (GPOG)* yang ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang menggariskan keperluan pengrekrutan yang adil (*fair recruitment*) dan telus. Selain itu, MoU yang dilaksanakan mesti mengikut lunas undang-undang negara, standard perburuhan antarabangsa, menghormati hak asasi manusia, tanpa diskriminasi dan melindungi pekerja daripada kekerasan.

5. Antara elemen-elemen progresif dan amalan baik yang diterapkan dalam MoU adalah seperti berikut:

- i. menghormati hak pekerja dan majikan;

- ii. responsif kepada permintaan pasaran buruh dan mempromosi kerja yang layak (*decent work*);
- iii. undang-undang dan dasar perburuhan terpakai untuk semua;
- iv. efisien, telus dan melindungi pekerja;
- v. penguatkuasaan undang-undang melalui pemeriksaan perburuhan;
- vi. kos perekrutan yang wajar dan ditanggung majikan;
- vii. kontrak pekerjaan yang jelas dan telus;
- viii. akses kepada mekanisme penyelesaian pertikaian dan remedi;
- ix. larangan penahanan pasport dan dokumen diri;
- x. akses kepada maklumat yang komprehensif dan tepat;
- xi. perlindungan sosial; dan
- xii. pemeriksaan kesihatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO A/L KARPAL
SINGH [DAMANSARA]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan terhadap individu-individu yang telah membuat ugutan bunuh terhadap YAA Ketua Hakim Negara berkait kes Datuk Seri Najib Razak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Terdapat tiga (3) kertas siasatan telah dibuka oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkaitan kes ugutan bunuh melalui media sosial terhadap YAA Ketua Hakim Negara berkait kes Datuk Seri Najib Razak.

Bagi siasatan pertama, kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948, iaitu mana-mana orang yang melakukan atau cuba melakukan, atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan, atau berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan, apa-apa perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, akan mempunyai kecenderungan menghasut, menyebut apa-apa perkataan menghasut, mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan semula apa-apa penerbitan menghasut atau mengimport apa-apa penerbitan menghasut. Siasatan kes ini juga dibuka di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan, iaitu seksaan bagi kesalahan menakutkan secara jenayah dan Seksyen 233 Akta Komunikasi, iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Kertas siasatan pertama telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 14/09/2022 dan diarahkan NFA (*No Further Action*) atas justifikasi satu kes prima facie yang kukuh tidak dapat dihasilkan kerana komen yang disiasat (komen yang mengandungi ugutan jenayah) tidak ditemui dalam Laporan Analisa *Data Preservation* akaun facebook milik suspek.

Siasatan kedua juga dibuka di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia. Kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara pada 5 September 2022.

SOALAN NO: 52

Kertas siasatan ketiga juga melibatkan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia. Kes ini turut disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan, iaitu perkataan atau isyarat yang dimaksud mengaibkan kehormatan seseorang. Bagi kes ini, kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 05/01/2023 dan diarahkan NFA (*No Further Action*) atas justifikasi suspek tidak dapat dikenalpasti kerana hasil Laporan Profiling Akaun Media Sosial suspek adalah negatif.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:

- (a) tindakan komprehensif Kementerian untuk mengatasi masalah banjir berulang di Meru, Sementa dan Selat Klang; dan
- (b) perincian kos dan masa dijangka siap projek.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman YB, kepesatan pembangunan di kawasan Meru, Sementa dan Selat Klang dan kemampuan sistem saliran dan perparitan utama di kawasan tersebut adalah tidak seiring. Ini menyebabkan kejadian banjir kerap berlaku kerana sistem saliran dan perparitan tidak lagi mampu untuk menampung aliran air yang banyak setiap kali hujan lebat berterusan melebihi satu jam.

2. Di samping itu, pembinaan struktur seperti jambatan dan utiliti yang menghalang aliran sungai serta jumlah sampah-sarap yang banyak turut menyekat aliran air ke sungai-sungai utama.

3. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk pemuliharaan sungai pada 2022. Daripada peruntukan tersebut, JPS Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak RM1.38 juta khusus untuk kawasan Meru, Sementa dan Selat Klang bagi lima (5) projek mitigasi jangka pendek yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2022 iaitu:

- i. Kerja-Kerja Membaikpulih Tebing Parit Jalan Sungai Kandis dan Membersih Saliran Pintu Air di Kampung Sungai Kandis bernilai RM95,405.00 siap pada 20 Jun 2022;
- ii. Dua (2) projek iaitu Kerja-Kerja Penstabilan Tebing Sungai Klang di Tanjung Syawal bernilai RM400,210.00 dan Kerja-Kerja Penstabilan Tebing Sungai Aur dari Jalan Seruling 59 ke Jalan Langat bernilai RM663,668.00 siap pada 27 Julai 2022;
- iii. Kerja-Kerja Penstabilan Tebing Anak Sungai Klang di Jalan Palembang dengan kos sebanyak RM199,740.00 siap pada 24 Ogos 2022; dan

- iv. Kerja-Kerja Pengukuhan Tebing Sungai di Pintu Air Sg. Daun Rantau Panjang dengan kos sebanyak RM25,460.00 yang siap pada 28 September 2022.

4. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor juga telah memperuntukkan sebanyak RM67.5 juta kepada JPS Negeri Selangor bagi melaksanakan beberapa projek mitigasi jangka panjang. Projek-projek ini dalam peringkat penilaian tender dan laporan akhir reka bentuk iaitu:

- i. Projek Tebatan Banjir di Sungai Rasau (Fasa 2) dengan kos sebanyak RM18 juta bagi 30 bulan;
- ii. Projek Tebatan Banjir Sungai Kandis (Fasa 2), Daerah Klang dengan kos sebanyak RM20 juta bagi 30 bulan;
- iii. Projek Tebatan Banjir Sungai Kembong, Pulau Indah, Daerah Klang dengan kos sebanyak RM14.5 juta bagi 24 bulan; dan
- iv. Projek Tebatan Banjir di Sungai Batu Enam Sementa, Daerah Klang dengan kos sebanyak RM15 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

YB TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jangkaan pihak Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) bagi menyelesaikan isu yang terdapat di Taman Apas Permai dan Taman Runggu Prima dan bilakah kawasan perumahan tersebut dapat diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Taman Apas Permai adalah projek Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang terletak di Daerah Tawau, Sabah. Projek ini terbahagi kepada dua (2) fasa yang terdiri daripada rumah teres dan kedai berjumlah 866 unit dan telah disiapkan sepenuhnya serta telah memperolehi Sijil Layak Menduduki pada tahun 2015. Penyerahan kawasan lapang, taman permainan dan perkhidmatan angkat sampah telah dibuat kepada Majlis Perbandaran Tawau (MPT) bermula tahun 2017 kecuali kemudahan awam seperti jalan, lorong, perparitan dan lampu jalan. Ini adalah disebabkan arahan pematuhan/ pembaikan yang perlu dilakukan oleh SPNB yang kini telah siap setelah sekian lama tergendala atas sebab pandemik COVID-19. SPNB kini sedang mengambil tindakan pematuhan dan penyerahan dijangka dapat dilaksanakan selewat-lewatnya pada suku kedua tahun 2023.

Projek Residensi Runggu yang terletak di Dearah Tawau pula merupakan salah satu projek di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang terdiri daripada 1,300 unit rumah teres. Kerja-kerja pembinaan telah siap sepenuhnya dan telah menerima Sijil Layak Menduduki pada 23 Februari 2023. Projek ini dalam proses penyerahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang akan dilaksanakan dalam tempoh 18 bulan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimana komitmen Kementerian untuk aktif dalam inisiatif global menjunjung '*environmental justice*' sama ada dalam bentuk '*distributive justice*', '*procedural justice*' atau '*recognition justice*' melalui penggubalan dan pelaksanaan undang-undang di samping membentangkan status *Strategic Plan 2020 - 2030: Environmental Sustainability in Malaysia*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sentiasa aktif dalam perbincangan antarabangsa yang melibatkan Perjanjian Alam Sekitar Pelbagai Hala (*Multilateral Environmental Agreements* - MEAs) supaya pendirian negara diambil kira di peringkat global dan seterusnya memastikan alam sekitar terpelihara untuk sama ada di negara atau pun di peringkat global.
2. Untuk makluman, berkaitan dengan tadbir urus alam sekitar di peringkat antarabangsa, NRECC bertindak sebagai *focal point* kepada 10 MEAs (perjanjian antarabangsa). Antaranya adalah Protokol Montreal, Konvensyen Basel dan *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC). Selain itu, Kementerian juga adalah merupakan *focal point* kepada perjanjian alam sekitar di peringkat ASEAN iaitu *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution*.
3. Kementerian akan sentiasa memastikan obligasi negara kepada perjanjian antarabangsa sentiasa dipatuhi dan pada masa yang sama tidak menjejaskan kepentingan dan perancangan pembangunan negara. Kementerian juga akan mewujudkan garis panduan, pelan tindakan atau perundangan bagi mengawalselia tadbir urus kepada perjanjian antarabangsa.
4. Pematuhan negara kepada obligasi antarabangsa sama ada perlu mewujudkan langkah kawalan dalaman atau penyelarasan di antara negara perlu dilaksanakan dengan teratur. Sebagai contoh, bagi memastikan langkah kawalan dalaman dan pematuhan negara kepada Protokol Montreal, Kerajaan telah meminda Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeren) 2020 supaya langkah kawalan kepada bahan pemusnah lapisan ozon (*Ozone Depletion Sources*) dapat dilaksanakan. Pengurangan penggunaan hidrofluorokarbon (HFC) bukan sahaja dapat mengelakkan penipisan ozon tetapi secara tidak langsung akan mengurangkan kesan perubahan iklim di peringkat global.

5. Penyelarasan di antara negara juga penting bagi memastikan perjanjian antarabangsa dilaksanakan dengan prinsip yang ditetapkan seperti mana langkah kawalan kepada pergerakan buangan berbahaya melalui Konvensyen Basel. Kementerian telah menetapkan polisi negara berhubung pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual dengan mengambil kira resolusi yang telah diputuskan oleh Konvensyen Basel.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berkaitan dengan status *Strategic Plan 2020 - 2030: Environmental Sustainability in Malaysia* (Pelan Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia 2020-2030), Pelan yang diwujudkan pada tahun 2020 adalah merupakan Pelan Strategik dalam menerajui aspirasi Malaysia Lestari 2030. Pelan ini merangkumi 35 inisiatif meliputi bidang bekalan air dan perkhidmatan pembetungan, pengurusan sumber air, pengurusan alam sekitar serta menangani perubahan iklim. Empat tunjang utama yang menjadi teras kepada pelan ini adalah pengukuhan tadbir urus (*governance*), pertumbuhan hijau, kolaborasi strategik dan keterangkuman sosial. Secara keseluruhannya, sehingga tahun 2022, inisiatif-inisiatif di bawah pelan ini telah mencapai sasaran tahunan yang ditetapkan. Kementerian ini komited dalam meningkatkan usaha bagi tahun 2023 ke arah mencapai aspirasi Malaysia Lestari 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 20 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk menambah bilangan mesin dialisis di Hospital Daerah Tenom, dan mewujudkan rawatan mesin dialisis di daerah kecil Kemabong memandangkan wujud permintaan yang sangat tinggi di kedua-dua kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa kini, unit hemodialisis di Hospital Tenom mempunyai 6 buah mesin hemodialisis (5 mesin untuk pesakit negatif, dan 1 mesin untuk pesakit positif Hepatitis B) yang memberi manfaat kepada 29 pesakit *negative* dan 3 pesakit Hepatitis B.
2. Pusat dialisis swasta/NGO yang terdekat adalah terletak di Keningau, dengan jarak 40 km dari pusat bandar Tenom.
3. Bagi kawasan Kemabong, pesakit menerima perkhidmatan dialisis di Hospital Tenom yang jaraknya adalah 31.8 km. Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk membina sebuah pusat dialisis di daerah Kemabong. Bagi membina satu unit hemodialisis, pesakit yang diperlukan adalah sekurang-kurangnya 30 orang bagi memastikan ia adalah *cost-effective*.
4. Hala tuju rawatan pesakit kegagalan ginjal tahap akhir (*end stage kidney disease*) adalah *Peritoneal Dialysis* sebagai pilihan rawatan dialisis utama di Malaysia ("*PD First Policy*"). Polisi ini bertujuan untuk memastikan kelestarian rawatan dialisis dalam jangkamasa panjang dan meningkatkan akses pesakit kepada rawatan dialisis yang berciri *patient-centred*. Di Malaysia, pesakit yang menjalani rawatan dialisis adalah meningkat setiap tahun dan kajian menunjukkan pesakit buah pinggang tahap akhir akan mencecah lebih dari 100,000 pada tahun 2040. Kos rawatan akan meningkat berikutan pertambahan kos sumber manusia, kos fasiliti dialisis yang tinggi terutama di kawasan bandar di mana kos tanah dan bangunan akan bertambah serta peningkatan kos utiliti seperti elektrik dan air.
5. Rawatan *peritoneal dialysis* akan menjadi kaedah rawatan utama berbanding hemodialisis di dalam hala tuju pengurusan pesakit kegagalan ginjal tahap akhir (*end stage kidney disease*) di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha dalam memastikan kemampunan projek mega Maharani Energy Gateway supaya dapat dimanfaatkan oleh penduduk sekitar Muar terutama sekali bagi kumpulan sasar nelayan yang terjejas pendapatan mereka. Apakah langkah Kementerian untuk memastikan golongan yang terjejas ini mendapat pampasan yang setimpal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menilai dan meluluskan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment* - EIA) bagi projek Maharani Energy Gateway pada 25 Ogos 2022. Isu-isu berbangkit atau penemuan yang dikenalpasti sama ada impak positif atau impak negatif semasa menilai Laporan EIA tersebut telah dikemukakan kepada penggerak projek. JAS juga telah mengemukakan kelulusan Laporan EIA ini kepada Majlis Perbandaran Muar selaku Pihak Berkuasa Melulus untuk mempertimbangkan kelulusan projek dan tindakan yang perlu diambil bagi pelaksanaan projek ini.

2. Antara isu yang perlu diberi perhatian oleh penggerak projek dan Majlis Perbandaran Muar adalah berkaitan impak kerja-kerja penebusgunaan tanah yang akan menyebabkan kemusnahan kekal dan *residual impact* ke atas ekosistem dataran lumpur (*mudflat*) dan *fishing ground* yang merupakan ekosistem kepada sumber perikanan. Kemusnahan kekal ini akan memberi impak negatif kepada laluan nelayan, sumber makanan, komuniti nelayan dan jaminan sumber bekalan makanan di kawasan Muar khususnya dan negara amnya.

3. Dalam hal ini, Majlis Perbandaran Muar dan penggerak projek hendaklah memastikan pelaksanaan projek memberi perhatian serius terhadap *residual impact* serta melaksanakan semua langkah mitigasi tanpa gagal. Selain itu, program pemantauan kepada hidupan marin juga perlu dilaksanakan seperti mana yang disyaratkan dalam kelulusan laporan EIA. Cadangan-cadangan ini perlu dilaksanakan dengan nasihat teknikal dan kelulusan daripada Jabatan yang berkaitan khususnya Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Seperti mana surat kelulusan Laporan EIA, perkara lain yang perlu diberi perhatian oleh Majlis Perbandaran Muar selaku Pihak Berkuasa Melulus adalah pelan tindakan kepada komuniti nelayan yang terjejas termasuk pembayaran pampasan dan penyediaan peluang pekerjaan. Perkara ini perlu dimuktamadkan bersama-sama pihak Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan lain-lain agensi yang berkaitan.

5. Untuk makluman, JAS hanya meluluskan laporan EIA sahaja, namun pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Melulus sama ada Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan risiko banjir, yang sering dihadapi di negeri Kelantan terutamanya di jajahan Jeli, Rantau Panjang, Pasir Mas dan Tumpat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa melaksana langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan risiko banjir di antaranya kerja-kerja penyelenggaraan saliran melalui pendekatan Pengurusan Banjir Secara Bersepadu; menggunakan konsep *make room for water* dalam pembangunan dan rekabentuk struktur. Ini melibatkan kerja seperti menaik taraf sistem pengurusan banjir, perlindungan pantai dan sungai-sungai utama serta meningkatkan tahap perlindungan reka bentuk infrastruktur saliran dan pantai.

2. Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksana projek-projek di bawah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) untuk mengurangkan risiko banjir, yang sering dihadapi di negeri Kelantan terutamanya di jajahan Jeli, Rantau Panjang, Pasir Mas dan Tumpat. Projek-projek yang sedang dilaksana adalah:

- a) Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sg Golok (KESBAN) Fasa 1 dengan kos projek berjumlah RM 656 juta dan dijangka siap pada Ogos 2024. Kemajuan fizikal di tapak sehingga Februari 2023 adalah 73%; dan
- b) Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sg Golok Fasa 2 dengan siling kos projek sebanyak RM879 juta yang sedang dalam proses perolehan.

3. Selain itu, JPS turut menjalankan kerja-kerja pemuliharaan sungai di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang melibatkan 59 projek kerja-kerja kecil pada tahun 2022 berjumlah sebanyak RM 3.664 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah dan kos baik pulih untuk menyelesaikan isu runtuhan tebing di Pulau Besar, Tumpat untuk memelihara kelestarian alam sekitar di samping memenuhi keperluan gugusan 12 pulau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Runtuhan tebing yang berlaku di Pulau Besar, Tumpat disebabkan hakisan tanah kesan daripada aliran air sungai yang laju yang mana turut memberi kesan kepada penduduk setempat.
2. JPS Negeri Kelantan telah memohon peruntukan di bawah Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir bagi melaksanakan kerja-kerja Membina Struktur Perlindungan Tebing Serta Kerja-kerja Berkaitan di Kampung Pulau Besar, Tumpat dengan anggaran RM 500 ribu.

Sekian, terima kasih.